

28/06/2000

Sukan Asia 2006: KL tiada pakej istimewa

Hussain Said

TIADA pakej istimewa yang ditawarkan Kuala Lumpur dalam dokumen penawarannya bagi merebut hak tuan rumah Sukan Asia 2006 yang akan dikemukakan kepada Majlis Olimpik Asia (OCA) hari ini.

Sebaliknya, Kuala Lumpur memberi penekanan bahawa mereka sudah bersedia untuk menganjurkan temasya terbesar di Asia itu dengan slogan 'Ready & Willing' (Bersedia dan Rela).

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein berkata pihaknya tidak perlu berhujah untuk melakukan ini dan itu semata-mata bagi meraih sokongan dalam mendapatkan hak penganjuran temasya itu.

"Saya tidak boleh maklumkan tawaran yang terkandung dalam dokumen penawaran kita. Lagipun, presiden OCA (Sheikh Ahmad al-Fahd al-Sabah) sudah mensyaratkan kepada setiap bandar raya yang bertanding supaya tidak mengumumkan tawaran masing-masing.

"Bagaimanapun, secara ringkas kita hanya memfokuskan tumpuan terhadap kemudahan yang kita miliki termasuk kompleks sukan bertaraf dunia di Bukit Jalil di samping pengalaman mengelolakan beberapa kejohanan utama serta sokongan semua pihak.

"Kita juga menyatakan 15 alasan mengapa Kuala Lumpur harus diberi hak untuk menganjurkan temasya berprestij itu," katanya selepas menyerahkan dokumen penawaran kepada Setiausaha Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Sieh Kok Chi yang akan menyerahkannya kepada pejabat OCA di Kuwait hari ini.

Selain Kuala Lumpur, bandar raya yang turut bersaing merebut hak penganjuran temasya itu ialah Doha (Qatar), Hong Kong dan New Delhi (India).

Setiap bandar raya diminta mengemukakan dokumen penawaran masing-masing sebelum lusa (30 Jun).

Menurut Hishammuddin, bersama-sama dokumen penawaran itu, Kok Chi juga akan turut menyerahkan sepucuk surat daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Sheikh Ahmad.

"Surat Perdana Menteri itu membuktikan bahawa semua pihak, bukan saja rakyat, tetapi kerajaan dan pemimpin turut memberi sokongan terhadap tawaran kita mengelolakan temasya itu.

"Saya juga akan membuat tindakan susulan bertemu Sheikh Ahmad bulan depan dalam rangka lawatan mendapatkan sokongan Timur Tengah terutama dari Lubnan, Syria, Yeman dan Iran," katanya.

Hishammuddin berkata, jawatankuasa penilai OCA pula akan melawat Kuala Lumpur 17 Julai ini bagi menilai serta mengkaji kemudahan yang kita miliki termasuk mengesahkan dokumen penawaran itu.

"Semua fakta-fakta yang terkandung dalam dokumen penawaran itu hanya akan disahkan oleh jawatankuasa penilai itu selepas melihat dan meneliti setiap kemudahan yang kita ada," katanya.

Sementara itu, Kok Chi berkata dia akan meminta OCA menggariskan syarat-syarat yang jelas kepada setiap bandar raya dalam kempen dan promosi yang dijalankan.

"Kita tidak mahu berlaku amalan kurang sihat ketika kempen dan promosi bagi meraih sokongan dalam merebut hak tuan rumah itu," katanya.

Kok Chi berkata pihaknya juga sudah mengemukakan jawapan kepada Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) berhubung penawaran mendapatkan hak tuan rumah Sukan Olimpik 2008.

"Sama ada kita tersenarai sebagai calon tuan rumah itu hanya akan diputuskan apabila jawatankuasa Eksekutif IOC bermesyuarat 28 Ogos ini,"

tambahnya .

( END )